

KESAN NASIONALISME TERHADAP PERKEMBANGAN NEGARA DAN MASYARAKAT



Tee NgZikang, Tay Wei Jian, Tham Chuan Yew, Lai Yee Jen, Ang Wan Xin
School of Computing, Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Nasionalisme merupakan aspek yang penting dalam menjaga dan mengembangkan kedaulatan. Sejak kebelakangan ini, pelbagai masalah berkaitan keruntuhan nasionalisme telah berlaku. Sebuah kajian soal selidik telah dilakukan bagi mengesan bagaimana nasionalisme dapat mengembangkan negara serta cabaran yang dihadapi demi memupuk semangat nasionalisme dalam masyarakat. Melalui kajian ini, maklumat yang didapati adalah kefahaman masyarakat tentang keruntuhan nasionalisme dan pandangan mereka terhadap bagaimana menanganinya. Dalam kajian ini, informasi tentang pengenalan, objektif, metodologi, hasil kajian, perbincangan dan kesimpulan telah dirangkumi.

Pengenalan

Definisi
Terbitan daripada perkataan 'nation' yang bermaksud rakyat atau residen dalam satu negara atau masyarakat yang mempunyai sejarah, undang-undang, bahasa, hak politik, agama dan tradisi yang sama. Nasionalisme adalah salah satu ideologi yang membentuk dan mempertahankan identiti, perpaduan dan autonomi negara.

Latar Belakang

- Usaha masyarakat tempatan menentang tekanan atau penjajahan kuasa luar
- Hasrat untuk membebaskan negara dari penjajahan
- Penentangan terhadap British oleh pemimpin dan rakyat tempatan sejak abad ke- 19
- Reaksi spontan masyarakat tempatan untuk menjaga kepentingan
- pencerobohan kuasa luar
- Perjuangan berjaya mematahkan hasrat British
- Tidak mematahkan semangat meneruskan perjuangan
- Gerakan nasionalisme diperbaiki
- Gerakan nasionalisme secara menyeluruh pada awal abad ke 20

Impak Umum (Positif)

- Keamanan sesebuah negara terjamin
- Masyarakat perpaduan
- Kekurangan gejala sosial

Objektif Kajian

- Meningkatkan kefahaman tentang nasionalisme dalam kalangan masyarakat.
- Mengenalpasti tentang faktor-faktor berlakunya keruntuhan nasionalisme dalam sesebuah masyarakat.
- Mengenalpasti tentang kesan-kesan positif dan negatif tentang isu nasionalisme terhadap kalangan masyarakat dan negara.
- Mengenalpasti tentang inisiatif-inisiatif bagi menangani keruntuhan nasionalisme dalam kalangan masyarakat.
- Mengenalpasti sama ada nasionalisme atau globalisasi memberi lebih banyak impak terhadap sesebuah negara.

Metodologi

A. Pensampelan Kajian

Pensampelan kajian bermaksud pengambilan sebahagian pecahan daripada sesuatu populasi untuk dijadikan subjek kajian. Pensampelan kajian ini melibatkan seramai 56 orang respondens menjawab soalan dalam borang soal selidik.

B. Kaedah Kajian

Kaedah soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah soal selidik merupakan pendekatan khusus mengumpul data dan kuantitatif untuk tujuan analisis statistik bagi menjawab persoalan kajian. Responden menjawab soal selidik dengan melalui Google Form.


C. Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah borang soal selidik yang mengandungi satu bahagian sahaja yang menanyakan tentang isu nasionalisme.

D. Pemprosesan dan Persembahan Kajian



Kajian ini dimulakan dengan infomasi tentang nasionalisme. Data yang diperoleh dari borang soal selidik akan dianalisis dan dibincangkan.

Hasil kajian dan Perbincangan




Hasil daripada kajian yang dilakukan telah menunjukkan bahawa sebanyak 51 daripada 56 orang respondens memahami konsep nasionalisme manakala sebanyak 5 orang responden tidak memahami konsep nasionalisme. Hal ini juga bermakna kebanyakan generasi muda masih memahami konsep nasionalisme.

Sebanyak 52 orang respondens berpendapat bahawa tahap kesedaran yang rendah telah menyebabkan keruntuhan nasionalisme manakala 47 orang responden berpendapat bahawa modenisasi dan globalisasi telah mengakibatkan isu tersebut. Pada masa yang sama, sebanyak 50 orang responden bersetuju bahawa budaya hedonisme merupakan faktor keruntuhan nasionalisme. Hanya seorang responden berpendapat bahawa kekurangan penghayatan sejarah merupakan punca keruntuhan nasionalisme.




Bagi kesan keruntuhan nasionalisme kepada masyarakat dan negara, daripada 56 responden, terdapat 51 orang berpendapat bahawa kestabilan politik negara terjejas, 37 orang berpendapat ekonomi negara terjejas, 48 orang berpendapat kehidupan masyarakat terjejas, 46 orang berpendapat peningkatan isu sosial dan hanya 1 orang berpendapat budaya luar mudah menyerang rakyat negara masing-masing. Hal ini bermakna keruntuhan nasionalisme mengekang perkembangan negara



Seramai 52 orang respondens bersetuju bahawa isu keruntuhan nasionalisme dapat diatasi melalui pendidikan manakala 46 orang respondens berpendapat bahawa program nasionalisme mampu membendung isu tersebut. Di samping itu, seramai 45 orang respondens berpandangan bahawa kempen kesedaran merupakan inisiatif yang boleh diambil untuk menangani isu tersebut. 43 orang responden bersetuju bahawa isu tersebut dapat diatasi menerusi undang-undang dan 1 responden berpendapat bahawa tidak meletakkan gred pada subjek sejarah kerana anak-anak muda tidak dapat menghayati erti sejarah dan nasionalisme sepenuhnya.

Hasil daripada kajian yang dilakukan, paling ramai respondens (52 orang) bersetuju bahawa keamanan dan kesejahteraan negara dapat terjamin apabila nasionalisme diamalkan manakala hanya seorang berpandangan bahawa nasionalisme dapat meningkatkan daya saing negara. Seramai 51 orang berpandangan bahawa implikasi nasionalisme adalah menjamin kestabilan politik. Seramai 45 orang berpandangan bahawa nasionalisme dapat mengekang penjajahan kuasa asing dan seramai 46 orang respondens berpandangan bahawa perkembangan ekonomi negara merupakan implikasi nasionalisme.



Akhirnya, daripada hasil kajian, majoriti 76.6% daripada 56 respondens bersetuju bahawa nasionalisme dapat memberikan lebih banyak impak positif kepada negara berbanding dengan globalisasi.

Dari pada kajian yang dilakukan, kita dapat merumuskan bahawa generasi memahami konsep nasionalisme serta kepentingan nasionalisme kepada sesebuah negara. Selain itu, generasi muda juga peka akan isu-isu keruntuhan nasionalisme yang melanda dunia kini serta mengetahui kesan-kesan negatif keruntuhan nasionalisme kepada masyarakat dan negara. Antara kesan keruntuhan nasionalisme termasuklah ketidakstabilan politik negara, penjajasan ekonomi negara dan peningkatan sosial. Pada masa yang sama, kita juga telah mendapati bahawa faktor utama yang mengundang kepada keruntuhan nasionalisme ialah tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan rakyat. Antara inisiatif yang diusulkan, kita mendapati bahawa penganjuran kempen kesedaran merupakan cara yang paling efektif untuk membendung isu keruntuhan nasionalisme. Melalui kajian yang dilakukan, nasionalisme memberikan banyak implikasi yang positif. Antaranya termasuklah keamanan dan kesejahteraan negara dan masyarakat yang terjamin, perkembangan ekonomi negara, kestabilan politik dan peningkatan daya saing negara. Akhirnya, kita juga mengetahui bahawa lebih ramai anak-anak muda berpandangan bahawa nasionalisme memberikan lebih banyak impak positif berbanding dengan globalisasi dalam pembangunan negara

Kesimpulan

Kesimpulannya, isu nasionalisme telah menjadi isu yang hangat dalam kalangan masyarakat. Nasionalisme adalah sangat penting dan harus sentiasa dipupukkan dalam kalangan masyarakat. Jika keruntuhan nasionalisme berlaku serius di negara kita, maka kesannya tidak dapat difikirkan. Oleh itu, masyarakat haruslah memupuk nasionalisme demi kepentingan diri dan juga kepentingan negara.

Rujukan

- Izatulhanim (2015). Latar belakang Nasionalisme di Malaysia.
- Google Form Responses: - <https://docs.google.com/forms/d/1GxiMGkbKzKA4e4LewMEDR0aNpnRtVkJZCimCWj83567o/edit#responses>